

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
TAHUN 2020**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM  
[ SUNGAI SIPUT ]**

**TARIKH : 05 OGOS 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM [ SUNGAI SIPUT ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan Mengikut jangkaan Malaysian Employers Federation (MEF) , kadar pengangguran di Malaysia akan meningkat secara mendadak pada akhir tahun 2020 dan angka “retrenchment” dijangka meningkat dua kali ganda. Apakah langkah-langkah pencegahan yang akan dilaksanakan oleh Kementerian untuk membantu pekerja-pekerja yang diberhentikan oleh majikan-majikan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Mengikut statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran semasa di negara ini iaitu bagi bulan April tahun 2020 adalah sebanyak lima (5) peratus. Kadar pengangguran ini melonjak tinggi dari 3.9 peratus pada bulan Mac 2020 dan 3.3 peratus pada bulan Februari 2020 lantaran penutupan operasi bagi sebahagian besar perniagaan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilanjutkan dan menyebabkan pencari kerja sukar mendapatkan pekerjaan pada ketika ini.
2. Dalam tempoh COVID-19, Kementerian Sumber Manusia telah mengeluarkan garis panduan berhubung perintah kuarantin, pemberhentian kerja, kelayakan cuti dan pemeriksaan kesihatan dalam kalangan pekerja sepanjang COVID-19 termaktub mengikut Seksyen 60F dan Seksyen 60E (1B) Akta Kerja 1955. Majikan yang gagal mematuhi garis panduan dalam pengendalian isu berhubung penggajian, khususnya membabitkan perintah kuarantin, cuti sakit dan pemberhentian kerja boleh dikenakan hukuman mengikut Akta Kerja 1955.
3. Berdasarkan Seksyen 60F, majikan perlu memberikan cuti sakit bergaji atau kelayakan hospitalisasi sepanjang tempoh rawatan di hospital bagi pesakit yang disahkan mempunyai simptom jangkitan COVID-19. Pekerja yang diberi arahan kuarantin melebihi tempoh kelayakan cuti sakit atau hospitalisasi, hendaklah diberikan kemudahan bayaran tambahan, selain diarahkan segera mendapatkan pemeriksaan kesihatan atas pembiayaan majikan.
4. Mengikut Seksyen 60E (1B) pula, pekerja yang diberi perintah kuarantin atau melarang pekerja datang bekerja tanpa perintah kuarantin atau tidak boleh dipaksa menggunakan cuti tahunan sepanjang tempoh berkenaan. Namun begitu, tindakan pemberhentian tidak boleh dijalankan oleh majikan sewenang-wenangnya. Langkah sewajarnya untuk mengelakkan pemberhentian pekerja disebabkan COVID-19 seperti

disyorkan tatacara untuk keharmonian perusahaan, iaitu mengehadkan kerja lebih masa dan mengurangkan mengurangkan waktu bekerja harian, hari bekerja dalam seminggu atau mengurangkan bilangan kerja seminggu perlu didahulukan. Pelaksanakan pemberhentian kerja dalam bentuk penutupan sementara dengan menawarkan gaji berpatutan dan membantu mereka mendapatkan kerja sementara di tempat lain sehingga operasi dapat diteruskan semula. Langkah terakhir yang boleh dilaksanakan selepas tindakan penjimatan kos lain sudah dilaksanakan ialah dengan mengurangkan gaji pekerja yang dibuat secara adil di semua peringkat.

5. Kementerian Sumber Manusia (KSM), melalui jabatan dan agensi di bawahnya telah merangka pelbagai program dan telah dilaksanakan untuk membantu penempatan semula pekerjaan bagi mereka yang diberhentikan kerja susulan daripada impak wabak COVID-19. Antara inisiatif yang dilaksanakan oleh KSM iaitu memberi keutamaan dari segi pekerjaan kepada pencari kerja tempatan. Semua kekosongan jawatan bagi pengambilan pekerja bukan warganegara dan pegawai dagang mestilah diiklankan di Portal JobsMalaysia untuk tempoh 30 hari di portal untuk memberi keutamaan kepada warganegara terlebih dahulu sebelum dibenarkan untuk memohon penggajian pekerja bukan warganegara.

6. Kerajaan mewajibkan majikan mematuhi elemen *Foreign Workers First Out* (FWFO) selaras dengan peruntukan Seksyen 60N, Akta Kerja 1955 dan *Code Of Conduct For The Industrial Hormony*. Ini bagi memastikan aspek berkaitan pemberhentian, perkhidmatan pekerja bukan warganegara mestilah ditamatkan terlebih dahulu bagi menjamin peluang pekerjaan kepada pencari kerja tempatan.

7. Kerajaan Persekutuan telah membentangkan pakej rangsangan ekonomi dengan jumlah dana sebanyak RM10 bilion antaranya di bawah program sebagai subsidi upah kepada syarikat-syarikat PKS supaya tidak mengambil tindakan pemberhentian pekerja. Program Pengekalan Pekerjaan (ERP) dan Program Subsidi Upah (PSU) yang diambil kerajaan untuk mengelakkan pemberhentian pekerja secara besar-besaran. Manakala melalui Program Pembangunan Kemahiran dan

Penempatan Pekerjaan, pelbagai inisiatif melalui peruntukan sebanyak RM500 juta telah dikhurasukan bagi membantu latihan semula, keusahawanan dan penempatan pekerjaan di jalankan oleh Pembangunan Sumber Manusia Berhad

8. KSM megesa agar mana-mana pencari kerja baru atau pencari kerja yang berhasrat untuk meningkatkan kerjaya dan warganegara yang kehilangan pekerjaan mendaftar dengan JobsMalaysia dan PERKESO. Di bawah Sistem Insuran Pekerjaan (SIP), pekerja yang hilang pekerjaan layak menuntut faedah berbentuk bantuan kewangan sementara, carian pekerjaan, penempatan pekerjaan, kaunseling kerjaya, program latihan dan sebagainya tertakluk kepada kelayakan di bawah Akta 800. Bagi majikan-majikan yang mempunyai kekosongan pekerjaan menggunakan platform yang disediakan oleh kerajaan bagi memperolehi insentif pengambilan pekerjaan tempatan di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA).